

Pengusaha kantin didakwa rogol OKU

12-11 27/11/18 M/S 19
Tertuduh mengaku tak bersalah, minta dibicara

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bharian.com.my

KOTA BHARU: Seorang pengusaha kantin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan merogol seorang wanita orang kurang upaya (OKU) di Tanah Merah, kira-kira dua minggu lalu.

Tertuduh, Alwalid Abd Kadir, 41, dari Kelaweh, Machang, mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Che Mohamad Zulkifly Jusoh.

Bapa kepada seorang anak itu, didakwa melakukan kesalahan terbabit dalam rumah di sebuah kampung dekat Gual Ipoh, Tanah Merah, antara jam 3 hingga 4 petang, 12 November lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hamizah Ghazali, manakala tertuduh yang hadir ke mahkamah sambil ditemani isteri serta beberapa ahli ke-

“Kalau dibuktikan kamu pergi ke kampung itu, saya akan tarik balik jaminan yang diberikan kepada kamu”


Che Mohamad Zulkifly Jusoh
Hakim Mahkamah Sesyen

luarganya diwakili peguam bela, Ahmad Nizam Mohamed.

Ekoran pengakuan tidak bersalah oleh tertuduh, Nor Hamizah memohon mahkamah tidak menawarkan jaminan kepada tertuduh dengan hujah kesalahan yang dilakukannya sangat berat, selain tertuduh dikhuatiri akan mengganggu saksi pihak pendakwaan kerana dia selalu berkunjung ke kampung terbabit.

“Saya memohon mahkamah supaya tidak membenarkan jaminan kepada OKT (orang kena tuduh) kerana mangsa yang juga OKU hanya tinggal bersama neneknya yang berusia 84 tahun. Mereka berdua tidak berupaya berbuat apa-apa jika sesuatu berlaku.

“Selain itu, saksi pendakwaan adalah orang yang se-



FATHIL ASRI | BERITA HARIAN

ALWALID dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kota Bharu selepas mengaku tidak bersalah merogol OKU, semalam.

kampung dengan mangsa dan jika OKT dilepaskan, dia mungkin boleh mengganggu saksi apatah lagi dia selalu pergi ke kampung itu,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Nizam dalam hujahnya memohon jaminan ditawarkan kepada anak guamnya mengikut Seksyen 388 Kanun Acara Jenayah dengan syarat tertentu termasuk mahkamah boleh menarik balik jaminan jika mendapati tertuduh mengganggu mangsa dan saksi.

Che Mohamad Zulkifly kemudian membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh dan menyatakan yang jaminan itu akan dibatalkan jika tertuduh didapati mengganggu mangsa dan saksi pihak pendakwa.

“Kalau dibuktikan kamu pergi ke kampung itu, saya akan tarik balik jaminan yang diberikan kepada kamu,” katanya sebelum menetapkan 5 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula kes berkenaan.